

KHUTBAH JUMAAT

“RAMADAN : KEDATANGANMU DITUNGGU” (9 April 2021M/ 26 Sya’ban 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk : ‘**Ramadan : Kedatanganmu Ditunggu**’

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah *subhanallah wata'ala* kerana tidak lama lagi kita akan bertemu kembali dengan bulan Ramadan. Sememangnya, umat Islam di seluruh dunia menunggununggu ketibaannya bagi meraih sepenuhnya kerahmatan,

keberkatan dan keampunan yang disediakan oleh Allah *subhanallah wata'ala* pada bulan yang istimewa lagi mulia ini.

Apabila kita menjejaki perjalanan hidup salafus soleh iaitu umat Islam terdahulu, mereka sudah bersedia enam bulan lebih awal menanti ketibaan tetamu yang mulia iaitu Ramadan. Persediaan mereka nampak lebih ketara dua bulan sebelum Ramadan dengan memperbanyakkan doa agar dipertemukan dengannya. Mereka juga membuat persiapan rapi mendekati diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan amalan-amalan sunat seperti memperbanyakkan sedekah, bacaan al-Quran dan puasa sunat. Bagaimana pula dengan kita? Sudahkah melakukan persiapan menyambut Ramadan?

Bulan Ramadan adalah bulan yang sangat agung. Pada bulan ini diwajibkan ke atas semua umat Islam supaya berpuasa. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 183 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Dalam bulan Ramadan, pelbagai ganjaran yang luar biasa diberikan kepada umat Islam yang berpuasa dan melaksanakan segala kewajipan. Malah melakukan amalan-amalan sunat juga akan memperolehi ganjaran pahala yang berlipat ganda. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

“Setiap amalan anak Adam dilipat gandakan pahalanya. Satu kebaikan pahalanya menyamai sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda. Allah Azza wa Jalla berfirman, kecuali puasa, kerana puasa itu adalah untuk-Ku, dan Akulah yang akan memberi pahalanya, kerana orang berpuasa telah meninggalkan syahwat dan makannya kerana-Ku.”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Terdapat beberapa persediaan yang perlu dilakukan oleh umat Islam dalam menyambut kedatangan Ramadan yang bakal tiba. Antaranya, mempersiapkan kekuatan rohani, jasmani dan juga emosi serta ilmu pengetahuan untuk menghadapi ibadah puasa. Semua perkara ini sangat penting supaya kita dapat melaksanakan ibadah puasa dan ibadah yang lainnya dengan keikhlasan hati dan menepati syarak.

Selain itu, kita hendaklah mempersiapkan diri dengan amal soleh dalam menyambut Ramadan kerana pintu syurga dibuka seluas-luasnya untuk semua manusia berlumba-lumba melakukan kebaikan. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

“Apabila telah datang awal malam bulan Ramadan, diikatlah syaitan dan jin, ditutup pintu-pintu neraka, tidak ada satu pintu yang dibuka dan dibukalah pintu-pintu syurga, tidak ada satu pintu yang tertutup, lalu terdengarlah seruan; “Wahai orang yang ingin kebaikan maka lakukanlah, wahai orang yang ingin kejahatan maka kurangilah. Dan di sisi Allah terdapat senarai orang yang dibebaskan dari neraka, dan begitulah terjadi pada setiap malam (Ramadan).”

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa memperbaharui taubat terutamanya pada saat menanti kedatangan Ramadan. Anas bin Malik *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* bersabda maksudnya:

“Setiap keturunan Adam itu banyak melakukan dosa dan sebaik-baik orang yang berdosa adalah yang bertaubat.”

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Selepas kita bertaubat kepada Allah *subhanahu wata'ala*, maka kita dapat menerima kedatangan Ramadan dengan hati yang bersih dan suci seterusnya mampu melaksanakan ibadah dengan sempurna dan istiqamah. Jadikanlah ibadah yang kita kerjakan berterusan daripada awal sehingga akhir Ramadan. Bukan semata-mata bersemangat di minggu pertama Ramadan sahaja.

Lakukan ibadah dengan bersungguh-sungguh dipenuhi dengan rasa keimanan yang tinggi. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ))

Maksudnya: *Sesiapa yang menghidupkan Ramadan (dengan melakukan amal ibadah) dengan penuh keimanan dan hanya mengharap pahala dari Allah, maka akan diampuni dosanya yang telah lalu."*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, bersempena dengan Hari Ulang Tahun Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Ke-69 pada tahun ini, maka khatib menyeru agar semua anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sentiasa berusaha mempertingkatkan keimanan, memperkukuhkan sifat tawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala*, dan berkhidmat dengan penuh ikhlas serta amanah dalam membantu masyarakat yang ditimpa kecemasan, musibah

mahupun bencana termasuklah pandemik COVID 19 yang dihadapi kini. Semoga segala jasa dan khidmat bakti diterima sebagai amal soleh, dan kesejahteraan masyarakat, kedaulatan negara dan keteguhan syiar Islam akan terus terpelihara serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut, antaranya:

Pertama : Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ibadah puasa merupakan kewajipan dan perintah daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Umat Islam hendaklah mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan amal soleh sebagai persediaan awal untuk mengharungi bulan Ramadan yang akan datang tidak lama lagi.

Ketiga : Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Ramadan sebagai bulan ibadah dengan berlumba-lumba melakukan kebaikan serta memohon keampunan,

Marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Aali Imran, ayat 133:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ

لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa;

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.